

7 Datuk Lembaga yg membantah dipecat

LANTIKAN UNDANG JELEBU SAH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh: IKMAL YUSUF

REMAU 6 Februari — Perlantikan Datuk Musa bin Wahab sebagai Undang baru Luak Jelebu adalah sah, demikian Menteri Besar Datuk Rais Yatim menegaskan kepada Utusan Malaysia petang ini.

Katanya, "kerajaan negeri mengiktiraf Datuk Musa bin Wahab sebagai Undang Luak Jelebu yang baru.

"Perlantikan beliau itu telahpun disembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan."

Kata Datuk Rais, Datuk Musa akan menjalani upacara rasmi perlantikan di hadapan Vang Dipertuan Besar di Istana Besar Sri Menanti, Kuala Pilah, minggu depan.

Menteri Besar itu berharap perkara tersebut tidak lagi dipanjangkan.

Datuk Musa telah dilantik sebagai Undang Luak Jelebu yang baru pada hari Isnin lalu oleh Datuk Menteri Osman Baginda yang kemudiannya mencetuskan kontroversial di kalangan pendokong-pendokong adat di Luak Jelebu.

Tujuh dari lapan orang Datuk Lembaga Adat telah membantah perlantikan tersebut.

Sementara itu lewat petang ini: Datuk Menteri shah Raja Sehari Othman Baginda mengisytiharkan



DATUKRAISYATIM

bahawa tujuh orang Datuk Lembaga yang menentang perlantikan Undang Luak Jelebu yang baru, Datuk Musa bin Wahab, telah dipecat.

Tada masa yang sama juga beliau telah melantik tujuh Datuk Lembaga yang baru.

Ketujuh-tujuh Datuk Lembaga yang baru itu ialah Datuk Ombi Abdul Ghani bin Shamaruddin, Datuk Raja Balang Jamal bin Abdul Rahman, Datuk Maharaja Inda Aziz bin Latif, Datuk Paduka (Buapak) Salleh bin Abdul Manaf, Datuk Cincang Abdul Rahman bin Saun, Datuk Ngiang Ahmad bin Bakar dan seorang Datuk Senara, yang namanya belum ditentukan lagi.

Mereka menggantikan Datuk Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus, Datuk Raja Balang Syed Ismail bin Syed Alwi, Datuk Paduka Sulaiman bin Abdul Ghani, Datuk Ngiang, Datuk Cincang Ahmad bin Abu dan Datuk Senara Angsa Haji Sharif bin Gading.

Kata Datuk Menteri Othman perlantikan ketujuh-tujuh Datuk Lembaga yang baru itu berkuatkuasa isnin lalu, iaitu hari perlantikan undang yang baru itu.

Datuk Menteri memberitahu ketujuh-tujuh Datuk Lembaga lama itu telah terpecah dengan sendirinya kerana melanggar adat.

Mereka telah membantah perlantikan Datuk Musa bin Wahab sebagai Undang Luak yang baru.

Sementara itu bekas Datuk Ombi Syed Alwi memberitahu dua orang wakil Datuk Lembaga bertujuh, iaitu Datuk Cincang Ahmad dan Datuk Paduka anti Sulaiman telah menyampaikan memorandum bantahan kepada Setiausaha Dewan Kesidlan dan Undang. Encek Ismail bin Haji Kassim untk disembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Memorandum yang sama disampaikan kepada Undang Luak Rembau, Undang Luak Johol, Datuk Kelana Luak Sungai Ujung dan Tengku Besar Tampin.

Katanya memorandum itu berharap dapat perhatian dan pertimbangan pihak-pihak berkenaan supaya perkara yang berbangkit dapat diselesaikan dengan adil bagi kepentingan adat di Luak (daerah, adat) Jelebu.

Lantikan Undang Jelesah

Kata Syed Alwi, "pihaknya berpegang teguh kepada adat dan akan mempertahankannya seberapa yang boleh mengikut kata pepatah, "biar mati anak jangan mati adat."

Memorandum itu telah ditandatangani oleh ketujuh-tujuh orang datuk Lembaga yang diisytiharkan terpecah

itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Encik Hassan Ali, mengingatkan orang ramai jangan mendengar khabar-khabar angin yang sekarang timbul akibat krisis adat itu.

Beliau menafikan khabar angin mengatakan pihak tentera telah

dihantar ke daerah ini untuk membantu menghadapi keadaan sekarang.

Beliau juga menasihatkan orang ramai jangan berkumpul bera-
mai-ramai dan mengingatkan larangan berkumpul lebih dari lima orang masih berkuatkuasa.